

Sabah&Sarawak: Guru boleh bantu kekalkan keharmonian kaum

KUCHING: Kesatuan Guru Sarawak (STU) menggesa semua guru di negeri ini membantu mengekalkan keharmonian kaum di kalangan penduduk tempatan, yang dikhuatiri boleh terjejas akibat timbulnya pelbagai isu sensitif dalam negara kebelakangan ini.

Presidennya, William Ghani Bina, berkata guru di negeri ini termasuk 20,000 ahli persatuan itu adalah pihak yang paling sesuai memikul tanggungjawab terbabit kerana mereka terdiri daripada pelbagai kaum serta agama, termasuk dari Sabah dan Semenanjung.

"Guru pelbagai kaum di sesebuah sekolah umpama mini Malaysia dan mereka boleh membantu menyumbang ke arah memantapkan lagi keharmonian kaum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Ramah Tamah Tahun Baru Cina 2009, di ibu pejabat persatuan itu di sini, semalam.

Beliau meminta semua guru di Sarawak supaya tidak terbabit dengan isu sensitif terutama membabitkan agama dan kaum yang telah dibangkitkan dengan lantang oleh pihak tertentu untuk kepentingan mereka.

Katanya, jika timbul isu sensitif membabitkan agama dan kaum, perkara itu perlu diselesaikan secara tertutup dan dengan sebaik mungkin, tanpa mencetuskan keadaan tegang.

Ghani juga menyeru semua guru tanpa mengira bangsa dan agama, supaya menyalurkan apa saja masalah kepada kerajaan dan Kementerian Pelajaran.

Ini katanya, termasuk guru dari Semenanjung dan Sabah yang kerap menghadapi kesukaran mengajar di pedalaman negeri ini kerana perbezaan budaya dan persekitaran.

"Di pihak STU, kita sudah berbincang dengan kerajaan supaya kelonggaran diberikan kepada orang tempatan untuk menjadi guru di pedalaman.

"Kita juga sudah berbincang supaya penduduk tempatan dari pedalaman termasuk suku kaum Penan turut dilatih menjadi guru, kerana hanya kaum Penan memahami suku kaum mereka," katanya.

Beliau berkata, STU juga mahu supaya jawatan di sekolah turut menggambarkan anak tempatan yang bertanggungjawab terhadap pendidikan di kawasan itu.

"Kalau kawasan itu majoriti didiami suku kaum Iban, seboleh-bolehnya pengetua atau penolong pengetua adalah suku kaum Iban, begitu juga bagi kawasan Bidayuh, Melayu, Melanau dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, sekiranya guru besar atau penolong guru besar adalah penduduk tempatan, kebiasaannya orang kampung akan lebih tertarik untuk mengikuti perkembangan anak mereka di sekolah dan membantu meningkatkan prestasi pengajaran di sekolah berkenaan.